

CNS6'799
U PB 31-10 00184 BA004
bah

Mahathir - UMNO
MT TIDAK CAMPURTANGAN PEMILIHAN PENAJA 12 BAHAGIAN BARU

KUALA LUMPUR, 31 Okt (Bernama) -- Majlis Tertinggi UMNO tidak akan campurtangan pada perlantikan jawatankuasa penaja bagi 12 bahagian baru yang diwujudkan ekoran persempadanan semula kawasan pilihan raya, sekiranya tidak timbul sebarang pertelingkahan berhubung perkara itu.

Jaminan itu diberi oleh presiden yarti, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada satu perjumpaan tertutup dengan kira-kira 1,200 pemimpin Bahagian UMNO di sini hari ini.

Katanya, perkara berkenaan, yang kini menjadi topik bualan di kalangan anggota parti, telah dibangkitkan pada perjumpaan, yang berlangsung selama dua jam itu.

+MT tidak akan campurtangan jika semua orang setuju dengan siapa yang dilantik sebagai ketua penaja Bahagian,+ kata Dr Mahathir, yang juga Perdana Menteri, kepada pemberita selepas perjumpaan itu.

+Tetapi, sekiranya ada sungutan, ada perasaan tidak puas hati, ada kemungkinan UMNO berpecah, maka tidak dapat tidak, MT akan campurtangan,+ kata beliau.

Persempadanan semula mewujudkan kawasan pilihan raya itu, yang diputuskan oleh Suruhan Pilihanraya (SPR), telah pun diluluskan oleh Parlimen pada persidangan yang sedang berjalan sekarang. -- Lagi

▼31/10/19-17MST

CNS6813

UPB31-10 001.44 BA005

bah

Mahathir - UMNO 2 (Akhir) Kuala Lumpur

Sekiranya berlaku +pertelingkahan+ dan Majlis Tertinggi campurtangan, Dr Mahathir berkata, semua pihak harus menerima mereka yang dilantik oleh pucuk pimpinan parti.

Katanya, campurtangan bagi menyelesaikan sebarang pertelingkahan itu perlu bagi mengelakkan kemungkinan berlaku perpecahan dalam UMNO.

Bagaimanapun, beliau berharap perlantikan jawatankuasa penaja bagi 12 Bahagian baru dapat diselesaikan tanpa campurtangan Majlis Tertinggi.

Dr Mahathir juga berkata urusan perlantikan itu akan dibuat sebaik saja selepas SPR menyelesaikan urusan penetapan kawasan pilihan raya baru itu.

Pada perjumpaan itu, beliau juga turut mengadakan dialog dengan para pemimpin Bahagian berhubung dengan masalah dan perjuangan parti dan persiapan menghadapi kemungkinan pilihan raya negeri Sabah lebih awal.

Perjumpaan itu merupakan satu tradisi yang diadakan menjelang Perhimpunan Agung UMNO, yang akan berlangsung selama tiga hari, mulai 6 Nov ini. -- Bernama

▼31/10/19-38MST